

Rujukan : UKM HTM(S)2/100/2

Tarikh : 10 Rejab 1439H

29 Mac 2018

**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN**

YBhg. Prof. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
PEGAWAI PERUBATAN VK7 HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UKM**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), UKM mempelawa kakitangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang berminat bagi mengisi kekosongan jawatan **Pegawai Perubatan Gred VK7** di hospital ini dengan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Selain warga UKM, jawatan ini juga dibuka kepada Pegawai Perubatan Gred UD53/UD54 dan Pegawai Perubatan Gred UD55/UD56 daripada Sektor Kerajaan dan Badan Berkanun.


Permohonan bagi jawatan lantikan baru dan kenaikan pangkat adalah melalui Sistem Pengurusan Permohonan Jawatan (SPPJ) iaitu <https://smk.ukm.my/sppi/mukadepan.cfm>. Hanya calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga.

Tarikh tutup permohonan adalah pada **16 April 2018 (Isnin)**. Bersama ini dilampirkan hebahan iklan berkaitan untuk dimaklumkan kepada kakitangan di organisasi YBhg. Prof. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan.

Kerjasama YBhg. Prof. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


DR. HJH. INA MD. YASIN

Timbalan Pengarah Eksekutif Pentadbiran

Pejabat Pro Naib Canselor

Kampus Kuala Lumpur



**HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
IKLAN JAWATAN KOSONG**

KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI DAN KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon jawatan seperti berikut :

1.0 PEGAWAI PERUBATAN - GRED VK7

Gaji	Minimum	Maksimum
	RM7,676.00	RM20,592.00
Elaun	Imbuhan Tetap Perumahan (ITP)	RM1,300.00
	Imbuhan Tetap Keraian (ITK)	RM2,500.00
	Bayaran Insentif Pakar (BIP)	RM3,100.00
	Imbuhan Tetap Gred Khas	RM1,000.00
	Bayaran Pembantu Rumah	RM500.00
	Bayaran Insentif Khas	RM500.00
	Bayaran Bantuan Menyelenggara Rumah	RM2,000.00 (dibayar secara <i>proportionate</i> setiap hujung tahun) = RM166.67
Taraf Jawatan	Tetap	
Penempatan	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Universiti Kebangsaan Malaysia	
Catatan	Jawatan ini dibuka kepada warga UKM dan juga kepada Pegawai Perubatan UD53/UD54 dan UD55/UD56 daripada Sektor Kerajaan yang lain.	

Syarat Lantikan

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) warganegara Malaysia;
 - b) berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan; dan
 - c) (i) ijazah dalam ilmu perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar sementara atau penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.
(ii) calon yang dilantik di bawah seksyen 12(1)(a)(ii) Akta Perubatan 1971 dan telah memenuhi Peraturan- peraturan Perubatan seperti perenggan 12(1)(aa) serta telah berdaftar sementara dengan Majlis Perubatan Malaysia.

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

2. Calon bagi lantikan hendaklah Lulus dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Umum

3. (a) Mencapai tahap prestasi dalam Laporan Nilain Prestasi (LNP) sekurang-kurangnya 85% bagi tiga (3) tahun berturut-turut;
- (b) Bebas daripada tindakan tatatertib;
- (c) Lulus tapisan keutuhan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (d) Bebas daripada senarai peminjam pendidikan tegar; dan
- (e) Diperakukan oleh Ketua Jabatan (jika berkaitan).

Syarat Khusus

4. (a) Berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun bagi tempoh yang melayakkan di gred UD53/UD54; dan
- (b) Telah diwartakan sebagai Pegawai Perubatan Pakar untuk tempoh sekurang-kurangnya lima (5) tahun.

Kenaikan Pangkat Ke Kumpulan Pengurusan Tertinggi

5. (a) Pegawai Perubatan Gred UD53/54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi tanpa melalui Gred Pakar UD55/56; atau
- (b) Pegawai Perubatan Gred Pakar UD55/56 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

CARA MEMOHON

1. Permohonan bagi jawatan lantikan baru dan kenaikan pangkat (bagi calon dalaman) adalah melalui Sistem Pengurusan Permohonan Jawatan (SPPJ) iaitu <https://smk.ukm.my/sppj/mukadepan.cfm>
2. Hanya calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
4. Hanya permohonan yang lengkap akan diproses.
5. **Tarikh Tutup Iklan : 16 April, 2018 (Isnin)**